

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **A. Kesimpulan**

Kajian yang dibuat ini menunjukkan Tok Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan seorang ahli tafsir yang hebat dengan pengetahuan luas dalam ilmu Islam. Tafsir beliau menarik, mudah dipahami dan relevan untuk umat Islam kerana gaya dan pendekatannya yang unik. Banyak sumber tafsir beliau masih dalam bentuk rakaman, maka penting untuk didokumentasikan agar masyarakat dapat manfaat sepenuhnya daripada ilmu dan pemikirannya. Penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap Surah Al-Wâqi'ah ayat 1-10 memperlihatkan pendekatan tafsir yang bersifat tafaqquh fi al-din, yaitu memahami dan menghurai ayat-ayat Al-Qur'an dalam konteks kehidupan masyarakat secara langsung. Corak tafsir beliau menekankan aspek tarbiah (pendidikan), peringatan tentang hari akhirat, serta kesedaran terhadap pembalasan Allah kepada manusia mengikut amal perbuatan masing-masing.

Hasil Penelitian menunjukkan bahawa, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menafsirkan ayat-ayat awal Surah Al-Wâq'iah dengan pendekatan yang menekankan pada penghayatan akan kedahsyatan Hari Kiamat. Dalam tafsir beliau, ayat 1–10 dijelaskan sebagai penggambaran nyata tentang kehancuran alam dan pembagian manusia ke dalam tiga golongan: Ashabul Yamin (golongan kanan), Ashabul Syimal (golongan kiri), dan As-Sabiqun (golongan yang terdahulu dalam keimanan). Penafsiran beliau tidak bersifat teknis atau akademik

semata, melainkan sarat dengan muatan dakwah, spiritual, dan ajakan kepada amal soleh. Manakala, Corak penafsiran beliau tergolong dalam corak al-Adab al-Ijtima'i, yakni tafsir yang berorientasikan pada pembinaan masyarakat melalui nilai-nilai akhlak, sosial, dan politik Islami. Corak ini menjadikan tafsir beliau sangat kontekstual, relevan, dan dekat dengan realiti semasa, terutama dalam menyedarkan umat Islam terhadap tanggung jawab mereka di dunia dan persiapan menuju akhirat.

Beliau menekankan bahawa ayat 1-10 Surah Al-Wâqi'ah menggambarkan kedahsyatan Hari Kiamat dan membahagikan manusia kepada tiga golongan: golongan kanan, kiri dan orang yang paling awal beriman (as-sabiqun). Penafsiran beliau sering dikaitkan dengan kepentingan iman dan amal sebagai bekalan akhirat.

## B. Saran

1. Penulis mengharapkan masukan dari para intelektual, khususnya mahasiswa Ilmu Al-Quran dan Tafsir, agar dapat melanjutkan kajian yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai karakteristik tafsir Tok Guru, baik dari sisi klasik maupun kontemporer, demi memberi manfaat bagi pengembangan pemahaman tafsir. Ini merupakan usaha awal untuk mengembangkan penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz terhadap surah tertentu, yang masih jarang dibahaskan karena keterbatasan referensi, penulis menyadari tulisan ini belum sempurna.
2. Penulis mengharapkan kajian ini boleh diperluas dengan melihat corak penafsiran Tok Guru terhadap surah-surah lain atau membandingkan tafsiran beliau dengan tokoh-tokoh lain di Nusantara untuk melihat keunikan metodologi beliau.

3. Kepada masyarakat Umum Penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang bersifat dekat dengan realiti masyarakat patut dijadikan rujukan kerana ia membantu dalam memahami Al- Qur'an dengan lebih praktikal dan relevan dalam kehidupan seharian.
4. Di masa depan, penulis berharap akan ada lebih banyak yang membahas lagi karya Tok Guru Nik Aziz Nik Mat ini tentang surah -surah yang ditarfsirkan oleh beliau dan tidak lupa juga dengan karya-karya beliau yang belum terungkap supaya akan lebih terkenal oleh masyarakat luas.